

# Melaka capai kemiskinan sifar 2010

Oleh ROSNI HASSAN  
(WARTAWAN UTUSAN)

UM-29/11/2006

KERAJAAN negeri Melaka komited untuk membasmi kemiskinan tegar dengan merancang pelbagai program dan pembangunan bagi mencapai sasaran kemiskinan sifar menjelang Melaka menjadi negeri maju pada 2010.

Sejajar dengan itu, dalam agenda pembangunan Melaka tahun hadapan, kerajaan negeri akan terus memberi tumpuan kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti bagi mengeluarkan mereka daripada putaran kemiskinan.

Kerajaan negeri menyediakan pelbagai skim dan bantuan sebagai strategi untuk membasmi kemiskinan, terutamanya kemiskinan tegar yang dialami oleh penduduk yang tinggal di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Menurut Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, setakat ini usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri mula menampakkan hasil apabila jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar berjaya dikurangkan.

Nisbah pendapatan pada 2002 adalah RM1 bagi penduduk luar bandar bersamaan RM1.47 bagi penduduk bandar, dan pada 2005, jurang itu berkurangan sebanyak 21 sen iaitu RM1 bagi penduduk luar bandar bersamaan RM1.26 bagi penduduk bandar.

"Sasaran kerajaan negeri ialah menjelang 2010 nisbah pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar ialah RM1:RM1.17," kata Mohd. Ali.

Menurut beliau, dari segi kadar kemiskinan, tahap pencapaian bumiputera Melaka semakin baik iaitu kadar kemiskinan berkurangan daripada 4.3 peratus pada tahun 1999 kepada 1.9 peratus pada 2004.

Tambahnya, kadar kemiskinan bumiputera Melaka tiga kali ganda lebih tinggi daripada kaum Cina, tiga kali ganda lebih rendah daripada kaum India dan empat kali ganda lebih rendah berbanding dengan penduduk Malaysia.

Begitu juga dari segi pendapatan bulanan isi rumah, menurutnya, bumiputera Melaka mencatat peningkatan daripada 82.9 peratus (RM1,874) pada tahun 1999 kepada 92.9 peratus (RM2,593) pada 2004.

Menurut Mohd. Ali, selain bantuan daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri menerusi Tabung Amanah Kebajikan Negeri juga mempunyai program sendiri membantu golongan miskin dan yang memerlukan.

Bantuan diberikan dalam bentuk membiayai kos rawatan penyakit kronik dan membina serta memperbaiki rumah yang mana tahun ini, sebanyak 345 buah rumah telah dibina dan dibaiki di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin dengan peruntukan sebanyak RM3.4 juta.

Selain itu, kerajaan negeri juga menubahkan satu unit khas iaitu Unit Pembela Kemiskinan Negeri Melaka bagi mengenal pasti golongan sasaran dan bantuan yang diperlukan, dengan misi untuk membasmi kemiskinan mutlak dan kemiskinan tegar di negeri ini.

Bagi merapatkan jurang pembangunan antara penduduk bandar dan luar bandar beberapa strategi turut dirancang termasuk menyediakan kemudahan infrastruktur, membangunkan lebih banyak kilang di luar bandar dan membangunkan industri berasaskan pertanian.

Beberapa projek dirancang dan untuk tujuan itu peruntukan sebanyak RM7.5 juta disediakan bagi menjalankan beberapa projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Kerajaan negeri komited dalam usahanya untuk mencapai negeri maju pada 2010 dengan merangka 23 indikator bagi mengukurnya sejak tahun 2000.

Dan berdasarkan gabungan indikator itu tahap pencapaian pada masa ini adalah 60 peratus. Bermakna tinggal 40 peratus lagi yang perlu dicapai dalam tempoh empat tahun lagi.